

PLAYBOOK **JURULATIH INDUSTRI**

Disediakan oleh:

Prof. Madya Dr. Rosli bin Omar
Prof. Madya Dr. Rosli bin Ahmad
Prof. Madya Ts. Dr. Muhd Hafeez bin Zainulabidin
Prof. Madya Dr. Noor Azah binti Samsudin
Prof. Madya Ts. Dr. Rafikullah bin Deraman
Dr. Abul Khair bin Anuar
Br. Dr. Hairuddin bin Mohammad
Dr. Faiz Asraf bin Saparudin
Dr. Syahira binti Mansur
Ir. Ts. Dr. Mohd. Hilmi bin Othman
Ts. Dr. Mohd Bekri bin Rahim
Ts. Dr. Mohd Hasril bin Amiruddin
Dr. Lutfiah Natrah binti Abbas @ Ahmad

Ts. Chm. Dr. Zalilah Murni binti Mat Ali @ Yunus
Dr. Nurun Najwa binti Ruslan
Dr. Mohammad Arif Budiman bin Pauzan
Ts. Dr. Zuraidah binti Ngadiron
Dr. Nurul Hafeezah binti Sahak
Dr. Mimi Suliza binti Muhammad
Dr. Zuritah binti A. Kadir
En. Raden Mohd Farhan Helmy bin Raden Ismail
En. Kamaruddin bin Kamdani
En. Mohd. Fakrul Adli bin Abdul Razak
En. Muhamad faiz bin Abd Latif


KANDUNGAN

01

Pengenalan

02

Peranan &
Tanggungjawab




03

Pendidikan
Berasaskan Hasil



04

Hasil
Pembelajaran



05

Penyampaian

06

Pentaksiran



07

Pengurusan






Bab 1

PENGENALAN

Konsep Pembelajaran Berasaskan Kerja atau *Work-Based Learning* (WBL) telah lama diperkenalkan dalam sistem pembelajaran di Malaysia dan telah mula dilaksanakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada tahun 2019. Mod ini bertujuan untuk merapatkan jurang perbezaan antara pembelajaran di universiti dan keperluan industri. Ia juga merupakan satu usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan.

DEFINISI WBL

WBL merupakan istilah yang sangat luas, yang digunakan untuk menggambarkan percampuran pendidikan tradisional dengan pengalaman di tempat kerja. Bahasa mudahnya, WBL adalah penempatan pelajar di tempat kerja atau belajar di dalam persekitaran kerja yang sebenar. Kaedah ini mampu membantu dan memberi peluang kepada pelajar mendapatkan kemahiran yang relevan semasa mereka berada di dalam industri tertentu. Oleh itu, pelajar akan mempelajari perkara yang berkaitan dengan tugas-tugas mereka dalam suasana kerja yang sebenar.





JENIS-JENIS WBL

1

Internship

Penempatan sepenuh masa pelajar di industri. Mereka akan memperoleh pengalaman dan pembelajaran professional dalam bidang pengajian mereka.

2

Perantisan (Apprenticeship)

Program untuk melatih seorang pekerja menjadi tenaga kerja mahir dalam industri tersebut. Ianya sering dianggap sebagai pekerjaan sepenuh masa kerana pelatih melaksanakan tugas sambil mempelajari selok-belok operasi organisasi tersebut.

3

Penempatan (Placement) atau Pembelajaran Perkhidmatan (Service Learning)

Penglibatan dalam komuniti, di mana pendekatan ini menggabungkan matlamat pembelajaran dan perkhidmatan kepada masyarakat.

CIRI-CIRI WBL



Perkongsian dan kerjasama di antara universiti dan industri



Perkongsian dan kerjasama di antara universiti dan industri



Skop kerja di industri merupakan sebahagian dari kurikulum program



Hasil pembelajaran dan kompetensi perlu dikenalpasti sebelum pelajar mengikuti WBL



Proses pembelajaran yang berlaku adalah integrasi di antara tugas yang diberikan oleh industri semasa berada di tempat kerja dan penilaian dibuat oleh pihak universiti;



Hasil pembelajaran diukur berdasarkan kerangka yang telah dipersetujui oleh universiti dan industri.

MENGAPA PENGLIBATAN INDUSTRI PENTING?

Berikut adalah antara sebab mengapa industri perlu berganding bahu bersama universiti untuk merealisasikan konsep WBL:

- **Tanggungjawab sosial korporat** WBL menjadi platform untuk mencurahkan kepakaran industri kepada komuniti, industri dan masyarakat.
- **Kaedah pengrekrutan pekerja** Pelaksanaan WBL membolehkan majikan untuk mengenalpasti potensi dan bakat yang ada pada bakal pekerja
- **Kaedah pengrekrutan pekerja** Pelajar akan bekerja bersama jurutera dan juruteknik bagi menyelesaikan masalah atau melakukan penambahbaikan yang menjurus kepada peningkatan produktiviti.
- **Pembangunan kerjaya staf** Mentor dapat mengasah bakat kepimpinan dan kemahiran kerja berpasukan, sekaligus mampu untuk meningkatkan profesionalismenya.
- **Akses kepada pemikiran baru, idea dan teknologi** Keberadaan pelajar di industri dijangka mampu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kerja, seterusnya menyumbang kepada idea dan inovasi baru yang lebih praktikal untuk diaplikasikan di tempat kerja.



Bab 2


PERANAN & TANGGUNGJAWAB

Secara umumnya, seseorang itu akan lebih produktif dan bertanggungjawab terhadap kerja yang dilakukan sekiranya mereka memahami dengan jelas keperluan tugas tersebut. Pelaksanaan WBL akan terjejas sekiranya pelajar, industri, dan universiti gagal untuk memainkan peranan masing-masing.

Program pengajian yang melaksanakan WBL perlu melantik sekurang-kurangnya seorang Penyelaras Program dan Pengajar, dan sekurang-kurangnya seorang Pengurus Program dan Jurulatih Industri bagi industri.

PENYELARAS PROGRAM

merupakan individu yang dilantik oleh universiti untuk menguruskan pelaksanaan WBL supaya hasil pembelajarannya tercapai



Mempromosi dan mengenalpasti peluang kerjasama industri yang relevan dengan program yang dilaksanakan



Menyusun aktiviti-aktiviti yang melibatkan proses perjanjian di antara universiti, industri dan pelajar



Sentiasa berhubung dengan Pengajar dan Pengurus Program bagi memastikan semua maklumat dapat disampaikan dengan berkesan



Mengenalpasti hasil pembelajaran yang sesuai bagi sesuatu modul yang akan dipelajari oleh pelajar



Menguruskan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan pelajar



Mengambil maklum dan tindakan terhadap apa jua isu berkaitan pelajar semasa mereka menjalani latihan




Melaksanakan penilaian dan penyimpanan portfolio pelajar bagi pencapaian kemahiran teknikal



Melaksanakan kajian semula pelaksanaan bagi pemantapan kualiti penyampaian program

PENGAJAR

merupakan staf akademik universiti yang berperanan sebagai pemudah cara kepada perancangan dan pengurusan logistik, dan memastikan hasil pembelajaran kursus berjaya dicapai



Membantu Penyelaras Program untuk mengenalpasti peluang terhadap program dan membangunkan matlamat pelaksanaan



Membantu Penyelaras Program untuk memastikan pencapaian hasil pembelajaran selepas selesai sesuatu kursus / modul pembelajaran



Melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan kursus yang telah ditetapkan



Membantu Jurulatih Industri melakukan proses-proses penilaian terhadap pelajar



Membangunkan aktiviti untuk menggalakkan refleksi pelajar



Memberi bimbingan dan khidmat sokongan sekiranya perlu kepada pelajar



Membantu Penyelaras Program dalam menilai dan menyimpan portfolio pencapaian kemahiran teknikal pelajar



Membantu Penyelaras Program melaksanakan kajian semula pelaksanaan bagi pemantapan kualiti penyampaian WBL

PENGURUS PROGRAM

merupakan individu yang mewakili industri untuk menguruskan pelaksanaan program



Menyusun aktiviti-aktiviti yang melibatkan proses perjanjian di antara universiti, industri dan pelajar



Memahami segala garis panduan dan peraturan berkaitan penempatan pelajar di industri



Melaksanakan sesi orientasi kepada pelajar



Komited untuk menyediakan pengalaman pembelajaran dan kerja kepada pelajar



Menghadiri mesyuarat yang diadakan sebelum bermulanya WBL



Mengenalpasti dan melantik Jurulatih dari industri yang berkelayakan berdasarkan set kompetensi yang sesuai



Menyediakan penerangan tugas yang perlu dilakukan oleh pelajar



Melibatkan diri dalam proses penilaian dan penambahbaikan program

JURULATIH INDUSTRI

merupakan individu yang dilantik oleh majikannya dan mempunyai kompetensi atau kemahiran tertentu



Membantu Pengajar membangun modul-modul yang bersesuaian bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran



Berkomunikasi dengan Pengajar dan Pengurus Program agar WBL dapat dilaksanakan dengan teratur



Menghadiri kursus-kursus yang dikhaskan bagi memantapkan proses penyampaian modul



Memberi latihan kemahiran dan pembangunan sahsiah kepada pelajar agar mampu untuk melaksanakan kerja dengan baik dan berkualiti



Memberi nasihat dan galakan kepada pelajar terhadap prestasi kerja dan pembangunan profesional




Melaksanakan pemantauan dan penilaian prestasi pelajar agar hasil pembelajaran boleh dicapai



Melaporkan pencapaian prestasi pelajar, mengenalpasti kelemahan dan membuat penambahbaikan terhadap pelaksanaan WBL

PELAJAR

harus memahami dan bertanggungjawab terhadap peranan yang diberikan kepada mereka semasa berada di industri



Komitement melaksanakan setiap aktiviti dalam WBL



Melaksanakan tugas secara bersendirian atau berkumpulan mengikut arahan Jurulatih Industri / Pengurus Program



Mematuhi peraturan kerahsiaan, keselamatan dan kod amalan syarikat



Memahami hak-hak mereka sebagai pekerja



Bekerjasama dengan Penyelaras Program, Pengajar, Pengurus Program dan Jurulatih Industri bagi merealisasikan hasrat dan objektif yang terkandung di dalam dokumen perjanjian




Melengkapkan dokumen-dokumen penilaian sendiri terhadap prestasi sewaktu berada di industri



Melengkapkan kesemua jumlah jam pembelajaran yang telah ditetapkan oleh program dan direkodkan di dalam buku log



Tidak berpindah ke syarikat lain tanpa kelulusan daripada universiti



Bab 3

PENDIDIKAN BERASASKAN HASIL

Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome Based Education*, OBE) adalah satu kaedah reka bentuk kurikulum dan pengajaran yang memberi tumpuan kepada apa yang pelajar sebenarnya boleh lakukan selepas mereka diajar.

KENAPA PERLU OBE

Sistem pendidikan tidak dapat menyediakan pelajar untuk keperluan *hidup* dan *pekerjaan*



KONSEP OBE

Hasil pembelajaran (pengetahuan, sikap dan kemahiran) yang bakal diperoleh pelajar setelah tamat pengajian dan diaplikasikan dalam kerjaya mereka

APA

KOMPONEN OBE


- ✓ Pernyataan hasil pembelajaran
- ✓ Aktiviti pembelajaran
- ✓ Penilaian

BAGAIMANA

FOKUS OBE

- ✓ Perancangan
- ✓ Pelaksanaan
- ✓ Pemantauan
- ✓ Penilaian

PROSES



Bagaimana untuk mengajar dan menilai
kemahiran



contoh

PEMETAAN HASIL PEMBELAJARAN – KAEDAH PENILAIAN

	PLO 1	PLO 2	PLO 3	PLO 4	PLO 5	PLO 6	PLO 7	PLO 8	PLO 9	PLO 10	PLO 11
CLO 1	X										
CLO 2		X									
CLO 3				X							

Hasil Pembelajaran	Kaedah Penyampaian	Kaedah Pentaksiran
PLO 1: Pengetahuan dan Kefahaman	Kuliah/Tutorial	Kuiz/Peperiksaan Akhir Bertulis
PLO 2: Kemahiran Kognitif	Kuliah/Tutorial	Tugasan
PLO 3: Komunikasi	Kajian Kes/Projek/Tutorial/Perbincangan	Laporan/Pembentangan



Bab 4

HASIL PEMBELAJARAN

Hasil pembelajaran merangkumi kemampuan atau kebolehan seseorang pelajar selepas selesai mengikuti kursus tersebut. Ia meliputi atribut dalam domain kognitif, psikomotor dan afektif yang masing-masing akan ditetapkan pada aras taksonomi pembelajaran yang bersesuaian dengan kursus tersebut.

*contoh*

HASIL PEMBELAJARAN

Course Learning Outcome (s) : At the end of this course, the student will be able to:

- | | |
|--------------|---|
| CLO 1 | Identify issues or problems in industrial technology and propose solutions (PLO 1, LOD 1, C6) |
| CLO 2 | Provide proposal for the implementation of Final Year Project (PLO 2, LOD 5, P4) |
| CLO 3 | Present ideas related to research to panel of evaluators systematically (PLO 4, LOD 8, A4) |

TAKSONOMI BLOOM

adalah satu model yang biasa digunakan untuk menganalisis bidang-bidang pendidikan. Ia berkaitan dengan objektif-objektif pendidikan yang melibatkan bidang seperti :



KOGNITIF

Melibatkan pemikiran pelajar dengan menekankan aspek intelektual seperti pengetahuan, pengertian dan keterampilan

Sintesis C5


Membina struktur atau corak dari unsur-unsur yang pelbagai
mengkategorikan, menggabungkan, menyusun, mengubah, mencipta, merangka, reka bentuk, menjelaskan, menjana, mengubah, menganjurkan, pelan, menyusun atur, membina semula, berkaitan, menyusun semula, menulisnya semula, meringkaskan, menulis.

Analisis C4

Membezakan antara fakta dan kesimpulan
menganalisis, memisahkan, membandingkan, menggambarajah, memecahkan kepada elemen asas, membezakan, mendiskriminasi, mengenal pasti, menggambarkan, menyimpulkan, menggaris, mengaitkan, memilih, memisahkan

Pengetahuan C1

Mengingat data atau maklumat.
mengatur, mentakrifkan, menggambarkan, mengenal pasti, tahu, label, senarai, nama, menggariskan, mengimbas kembali, mengiktiraf, mengeluarkan semula, memilih, nyatakan



C6 Penilaian

Buat pengadil tentang nilai, idea-idea atau bahan-bahan
menilai, membandingkan, menyimpulkan, membeza, mengkritik, mengulas, mempertahankan, menerangkan, mendiskriminasi, menjelaskan, menafsirkan, mewajarkan, meringkaskan, menyokong.

C3 Aplikasi


Gunakan satu konsep dalam situasi baharu.
menggunakan, mengubah, mengira, membina, menunjukkan, membuat penemuan, memanipulasi, beroperasi, meramalkan, menyediakan, menghasilkan, mengaitkan, menunjukkan, menyelesaikan

C2 Kefahaman

Memahami makna, terjemahan, tafsiran arahan dan masalah
meliputi, menukarkan, mempertahankan, membezakan, anggaran, menjelaskan, memanjangkan, generalizes, memberikan contoh, menyimpulkan, menterjemahkan, parafrasa, meramalkan, menulisnya semula, meringkaskan, terjemahkan.

PSIKOMOTOR

Keupayaan menggunakan kemahiran motor yang merangkumi pergerakan fizikal, refleks dan koordinasi untuk membangunkan teknik dalam pelaksanaan, dalam ketepatan dan masa.



AFEKTIF

Cara pelajar bertindak balas terhadap fenomena dalaman dan luaran secara emosi. termasuk maklumat tentang nilai mereka, perkara yang mencetuskan semangat serta aspek yang mendorong mereka.

Nilai Dalaman

Nilai yang akan mengawal hasil dan tingkah laku

Memaparkan, mempengaruhi, diskriminasi, melaksanakan, mengubahsuai, mengesahkan, menyelesaikan, mencadangkan, menyemak semula, mempraktikan, berkhidmat, mendengar

A5

Nilai Pengorganisasian

Mengintegrasikan dan membandingkan nilai, menyusunnya mengikut keutamaan

Menyusun, kesepaduan, pematuhan, bergabung, kaitan, membandingkan, menyediakan, lengkap, teratur, rumusan, mempertahankan, kesimpulan, kenal pasti, mengubahsuai, menerangkan, sintesis

A4

Menilai

Sedia mendengar dan sedar untuk menerima ilmu

Demostrasi, menerangkan, melaporkan, memilih, mengkaji, menyertai, mencadangkan, berkongsi, mengundang, memulakan, mengikut, justifikasi, membezakan

A3

Bertindak Balas terhadap Fenomena

Mengambil bahagian secara aktif dan melibatkan diri untuk memindahkan pengetahuan

Membaca, menjawab, memilih, membantu, mematuhi, mengesahkan, berbincang, melaporkan, menulis, melaksanakan, menyapa, membentangkan, praktis, membentuk, membantu

A2

Fenomena Penerimaan

Sedia mendengar dan sedar untuk menerima ilmu

Mencapai postur, mengambil pendirian badan, meletakkan tangan, kedudukan badan, duduk, berdiri

A1




Bab 5

PENYAMPAIAN

Kaedah penyampaian kursus WBL merujuk kepada cara penyampaian dalam memenuhi hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Penyampaian akan melibatkan penyampaian secara bersemuka, tidak bersemuka, dan gabungan kedua-duanya. Penyampaian semasa di universiti adalah berdasarkan masa pembelajaran yang telah ditetapkan di dalam jadual formal pelajar, manakala bagi penyampaian di industri, ianya adalah lebih fleksibel mengikut keperluan kursus WBL.

KAEDAH PENYAMPAIAN DALAM WBL



BERSEMUKA

- ✓ Dilaksanakan semasa pelajar berada di UTHM dan industri
- ✓ Menggunakan pelbagai teknik pengajaran yang bersesuaian dengan kursus yang diajar

TIDAK BERSEMUKA

- ✓ Pembelajaran secara dalam talian
- ✓ Segala bahan dimuatnaik secara digital serta boleh diakses oleh pelajar terutamanya di luar waktu bekerja.

TERADUN

- ✓ Melibatkan penyampaian secara bersemuka dan tidak bersemuka
- ✓ Semasa pelajar berada di industri, pelajar akan menerima penyampaian secara terus dari Jurulatih Industri semasa tempoh bekerja manakala kelas secara dalam talian pula dilaksanakan oleh pensyarah universiti bagi menyampaikan pembelajaran secara teori.

MEMENUHI HASIL PEMBELAJARAN YANG DITETAPKAN



BIMBINGAN INDUSTRI

- ✓ Melibatkan **Jurulatih Industri dan pelajar**
- ✓ Pelajar melalui pengalaman sebenar di tempat kerja dengan mempraktikkan teori yang dipelajari
- ✓ Kaedah dan teknik pengajaran bergantung kepada pengetahuan dan pengalaman Jurulatih Industri

PEMBELAJARAN TERPANDU

- ✓ Melibatkan **pensyarah dan pelajar**
- ✓ Aktiviti pembelajaran secara formal seperti yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Kuliah
- ✓ Boleh dilaksanakan secara bersemuka atau tidak bersemuka

PEMBELAJARAN KENDIRI

- ✓ Melibatkan **pelajar sahaja**
- ✓ Aktiviti pembelajaran di luar Jadual Waktu Kuliah
- ✓ Pelajar mencari maklumat bagi memantapkan pengetahuan yang telah mereka perolehi semasa sesi perkuliahan



Bab 6

PENTAKSIRAN

Pentaksiran boleh dibuat melalui dua pendekatan iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif. Penilaian formatif merujuk kepada penilaian yang dibuat secara berperingkat di sepanjang semester. Ia bertujuan untuk mengetahui tahap kefahaman pelajar dalam topik-topik yang dipelajari dalam sesuatu kursus. Penilaian sumatif merujuk kepada penilaian hasil pembelajaran keseluruhan (kebiasaannya dibuat di hujung semester). Kaedah ini bertujuan untuk memberi gred akhir pelajar.

TUJUAN PENTAKSIRAN



PENTAKSIRAN FORMATIF

- ✓ Pemantauan pembelajaran pelajar
- ✓ Membantu pelajar untuk mengenalpasti kelebihan dan kelemahan
- ✓ Mengenalpasti pelajar yang bergelut
- ✓ Dilakukan oleh jurulatih industri sahaja atau bersama – sama staf akademik

PENTAKSIRAN SUMATIF

- ✓ Penilaian pelajar di hujung pembelajaran
- ✓ *High stakes*
- ✓ Dilakukan oleh jurulatih industri dan staf akademik

ELEMEN PENTING BAGI PENTAKSIRAN WBL



Relevan dan berkaitan dengan kos yang diambil pelajar, dan mencapai hasil pembelajaran



Dijalankan di persekitaran kerja yang selamat



Mampu untuk memberi maklumbalas secara konstruktif



Mampu untuk menghasilkan data dan memberi maklumbalas untuk mempromosikan diri atau refleksi secara menyeluruh dari segi kecekapan dan prestasi



Relevan dengan akademik, Pendidikan, kajian dan pentadbiran



Mampu mengenalpasti bidang yang akan difokuskan



Mampu untuk menyemak dan mengesahkan hasil kerja pelajar





Bab 7

PENGURUSAN

Pengurusan pelaksanaan WBL perlu melibatkan kerjasama dari semua pihak samada di UTHM atau di industri. Jawatankuasa Pembelajaran Berasaskan Kerja (JK WBL) telah ditubuhkan di UTHM bagi menyelaraskan pelaksanaan WBL. JK WBL dianggotai oleh Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik (CAD), Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni, Pejabat Hubungan Universiti dan Industri dan wakil dari fakulti yang menjalankan kursus WBL. Selain itu, fakulti juga digalakkan untuk menubuhkan jawatankuasa khas bagi memantau pelaksanaan WBL di fakulti.

PERATURAN DAN TATATERTIB PELAJAR WBL



KEHADIRAN DAN MASA BEKERJA

Pelajar perlu menghadiri sesi penempatan WBL seperti yang telah dipersetujui di antara pihak UTHM, pelajar dan industri. Pelajar mestilah mematuhi masa bekerja dan segala peraturan di industri berkaitan dengan cuti rehat, cuti sakit dan cuti umum sama seperti kakitangan lain semasa menjalani WBL. Pihak industri perlu memaklumkan ketidakhadiran pelajar kepada penyelaras WBL yang dilantik bagi tujuan tindakan oleh UTHM.

KERAHSIAAN

Pelajar dilarang mendedahkan sebarang maklumat (sama ada sulit atau tidak) tentang organisasi kepada pihak luar kecuali dengan kebenaran organisasi. Pelajar dilarang mencetak, membuat salinan atau mengambil gambar apa-apa dokumen atau peralatan yang dianggap rahsia tanpa kebenaran organisasi.

PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA



Peraturan Am

Pihak industri perlu melaksanakan sesi orientasi dan menyediakan penempatan, latihan berkenaan peraturan keselamatan dan kesihatan, dan menyediakan kemudahan peralatan perlindungan peribadi yang bersesuaian dengan keperluan latihan pelajar



Insurans dan Tanggungan

Pelajar akan dilindungi dengan perlindungan insurans secara berkelompok sepanjang menjalani WBL. Pihak industri walau bagaimanapun digalakkan untuk mendapatkan perlindungan insurans tambahan sekiranya diperlukan.



Elaun Sara Hidup

Pihak industri amat digalakkan menyediakan Elaun Sara Hidup yang munasabah mengikut polisi dan budi bicara pihak industri berdasarkan kepada konsep menang-menang.



Perpindahan Lokasi WBL

Pelajar yang diarahkan oleh pihak industri untuk bertugas di lokasi selain yang telah dipersetujui sebelum pelajar menjalani WBL perlu mendapatkan kebenaran dari pihak UTHM berkenaan perpindahan tersebut.



Pemberhentian Latihan

Pelajar boleh memohon untuk menarik diri dari menjalani WBL dengan sokongan dari pihak industri kepada Penyelaras WBL UTHM.